

# Buku jawab dakwaan Dr. M

KOTA BHARU 14 Julai - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berharap segala isu dibangkitkan Tun Dr. Mahathir Mohamad akan selesai dengan penerbitan buku penerangan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) berhubung isu pembatalan pembinaan projek jambatan menggantikan Tambak Johor.

Menurutnya, buku tersebut yang banyak berkisar kepada beberapa dokumen diklasifikasikan sebagai tidak lagi rahsia seperti diumumkan hari ini, adalah jawapan kepada segala dakwaan dibangkitkan.

"Ini kerana buku itu akan menerangkan dengan terperinci segala proses diambil kerajaan termasuk nasihat perundangan sebelum membuat keputusan membatalkan pembinaan jambatan tersebut.

"Walaupun mengklasifikasikan semula dokumen rasmi adalah bukan tindakan mudah untuk dilakukan, namun ia perlu bagi menjelaskan kepada rakyat apa yang berlaku dalam isu ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Khas Penerangan Isu-Isu Semasa anjuran UMNO Bahagian Kota Bharu di sini hari ini.

Dalam pada itu, Syed Hamid berkata, kandungan paling penting dalam buku itu ialah menjelaskan sama ada Singapura memberikan persetujuan atau tidak berhubung pembinaan jambatan tersebut.

Katanya, ini kerana persetujuan republik itu adalah 'kunci utama' dalam hal ini disebabkan jika tanpa persetujuan Singapura, jambatan itu tidak boleh dibina sama sekali.

"Malah jika diteruskan, ia mungkin akan jadi projek gajah putih.

"Tun (Dr. Mahathir) kata ada surat daripada pemimpin Singapura memberikan persetujuan tetapi lata akan dedahkan mengenai surat lain pula, yang menolak dakwaan Tun.

"Namun perlu saya jelaskan, bukan niat kerajaan mengeluarkan buku tersebut untuk mencari salah siapa atau membuat dakwaan balas sebaliknya hanya untuk membentangkan kepada rakyat fakta-fakta yang ada," jelasnya.

Syed Hamid menambah, beliau sentiasa berdoa kepada Allah supaya pertelagahan pendapat antara Dr. Mahathir dan kerajaan khususnya membabitkan hubungan dengan Singapura tidak berpanjangan.